

Jika muncul sebagai negara maju -PM

Bahasa Malaysia

akan dihormati

masyarakat dunia

KUALA LUMPUR 2 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yakin bahasa Malaysia akan menjadi bahasa yang dihormati oleh masyarakat dunia jika Malaysia muncul sebagai negara dan bangsa yang maju.

Dalam hubungan ini beliau berkata, mempelajari dan menguasai bahasa asing khususnya bahasa Inggeris haruslah dilihat secara positif kerana ia begitu bermanfaat ke arah kemajuan negara.

Bagaimanapun, ini tidak bermakna kerajaan mengabaikan bahasa Malaysia terutama peranan sebagai alat penyatuan dari pembentukan bangsa.

"Kita boleh tentukan peranan bahasa kebangsaan kita. Kita utamakan bidang-bidang yang menyebabkan kita tidak

ketinggalan.

"Jadi semuanya bergantung kepada sikap kita dan kita perlu pupuk sikap yang mengutamakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang memberi identiti kepada kita," katanya menjawab pertanyaan dalam rancangan "Bersama Perdana Menteri" yang disiarkan oleh RTM malam ini.

Berminat

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, menguasai bahasa Inggeris, selain daripada bahasa ibunda adalah penting dalam mencapai kemajuan.

"Kalau kita belajar bahasa Inggeris dan dengan itu kita dapat kemajuan, bangsa yang maju bahasanya akan dihormati," katanya.

Menurut beliau, sekarang ini

ramai yang belaiar bahasa Jepun bukan kerana berminat dengan bahasa itu tetapi kerana atas kesedaran bahawa ia adalah bahasa satu bangsa yang maju.

"Satu hari kalau orang Melay-u, orang Malaysia menjadi begitu maju sekali sehingga menguasai perdagangan antarabangsa, ramai bangsa lain akan mempelajari bahasa kita.

Tetapi kalau kita menjadi satu bangsa yang mundur, katalah sama dengan orang-orang yang ketinggalan yang tidak ada tamadun sama sekali, siapa yang hendak belajar bahasa dia? Tidak ada siapa yang hendak belajar," jelasnya.

Perdana Menteri menambah, salah satu logik mengapa rakyat harus mempelajari bahasa Inggeris adalah kerana ia

bahasa yang diketahui oleh majoriti penduduk dunia.

"Sebab itu kita tekankan bahasa Inggeris. Kita tidak berkata, jangan belajar bahasa kebangsaan. Kita tekankan juga bahasa kebangsaan tetapi janganlah kita hanya menekankan satu bahasa sahaja misalnya bahasa Inggeris, itu tidak kena," tegas beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir seterusnya berkata, penguasaan terhadap bahasa Inggeris adalah kerana banyak perkataan dalam dunia moden masa kini kadangkala tidak ada dalam perbendaharaan Bahasa Malaysia dan terpaksa dipinjam daripada bahasa lain.

"Yang mana hendak kita pinjam? Tentulah bahasa Inggeris. Jadi, Mau kita tidak ada orang yang faham bahasa Inggeris, siapakah yang akan menjadi penterjemah kita.

"Kalau kita ada rundingan dan menggunakan bahasa kita sahaja dan kita tidak faham sama sekali bahasa lain, kita tidak boleh mengadakan treaty," jelas beliau.

Oleh itu, ujanya, nasionalisme yang sebenar bukan se-

mata - mata orang yang sayang kepada bahasanya sendiri sahaja tetapi orang yang sayang kepada bangsanya dan ingin bangsanya maju.

"Kalau ada alat yang boleh memajukan bangsanya, maka dia akan menggunakan alat itu dan kalau bahasa Inggeris adalah alat untuk memajukan bangsanya, maka dia akan belajar bahasa Inggeris. Tetapi tidak lupa akan daratan, tidak lupa asal usulnya," ujar Perdana Menteri.